

Press Clipping

PKFZ Iantik Noel Gulliver sebagai pengarah urusan

SELANGOR, Rabu - Zon Bebas Pelabuhan Klang (Port Klang Free Zone, PKFZ) - zon industri dan komersil bersepadu sepenuhnya yang pertama di Malaysia, telah melantik Noel Gulliver sebagai pengarah urusannya.

Dengan 30 tahun pengalaman dalam bidang perdagangan logistik, Gulliver telah berkhidmat dan memainkan peranan penting dalam pengurusan serantau bagi syarikat-syarikat multinasional seperti CF/Emery Worldwide, Maersk Logistics, Roadway, Schenker dan Jardine Logistics.

Gulliver, 54, membawa bersama pengalamannya sebagai peneraju pembangunan projek dan perdagangan baru di rantau Asia dan meliputi pelbagai perniagaan logistik - di laut, udara, logistik bersepadu dan kemudahan pengurusan.



Noel Gulliver

Beliau mempunyai pengalaman yang amat luas di seluruh Asia di mana beliau berkhidmat selama 13 tahun. Beliau juga mempunyai pengalaman bekerja selama tujuh tahun di benua Eropah dan pernah juga berkhidmat di Amerika Utara, Timur Tengah dan Australasia.

Beliau mendapat pendidikan di Kolej St. Bernard

dan Universiti Melbourne di mana beliau memperoleh Ijazah Perniagaan dan Diploma Pendidikan dengan pengkhususan dalam bidang Perakuaan, Undang-undang Perdagangan dan Ekonomi.

Dibina mengikut model Zon Bebas Jebel Ali yang telah terbukti kejayaannya di Dubai, PKFZ merupakan zon industri dan komersil bersepadu sepenuhnya yang pertama di Malaysia, yang direka bentuk dalam satu lokasi. Upacara memecah tanah telah dilakukan pada tahun 2004 dan dijangka akan dibuka pada suku ketiga 2006.

PKFZ yang dimiliki oleh Lembaga Pelabuhan Klang, direka bentuk, diuruskan dan dipasarkan oleh JAFZA International, bahagian perundingan dan pengurusan Lembaga Zon Bebas Jebel Ali (JAFZA).